

Teks Ucapan di Perhimpunan Bulanan 1MOT Mac  
14 Mac 2017

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Selamat Pagi kepada semua

**PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah MOT kerana meluangkan masa bagi menghadiri perhimpunan bulanan kali ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Akaun atas penganjuran perhimpunan bulanan 1MOT pada kali ini.

Warga MOT sekalian,

**TRANSFORMASI NASIONAL 2050**

3. Kita semua sedia maklum akan hala tuju negara selepas tahun 2020 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri tidak berapa lama dahulu iaitu Transformasi Nasional 2050 atau dikenali sebagai TN 50.
4. Dalam konteks ini, saya berpendapat kementerian ini perlu tampil dengan satu tindakan strategik baru seiring dengan teras halatuju negara ini. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam pengangkutan awam, kunci utama adalah bagi menyediakan jaringan pengangkutan yang terbaik dan efisien serta yang paling penting ianya memenuhi keperluan orang awam.
5. Inisiatif perlu diambil dengan membuat kajian dalam menambah baik sistem pengangkutan awam. Kita tidak boleh hanya berbangga dengan kejayaan MRT, ETS dan HSR kerana perkembangan teknologi masa hadapan begitu pantas. Jika kita tidak mengambil inisiatif seiring dengan peredaran masa, sistem pengangkutan kita akan jauh ketinggalan.
6. Bagi memastikan kelestarian untuk generasi akan datang, selain aspek keselamatan, kebersihan, kecekapan dan ketepatan masa, kita juga perlu memikirkan sistem pengangkutan yang berteknologi hijau dan bebas daripada pencemaran udara. Inilah diantara perkara-perkara yang perlu dilihat oleh kementerian dalam TN 50.

**TIGA TAHUN TRAGEDI MH370**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Tarikh 8 Mac 2017 yang lalu menandakan telah genap tiga tahun tragedi malang MH370 yang menyayat hati kita semua berlaku. Meskipun telah lama berlalu, namun kesannya masih lagi terasa oleh kita semua terutama bagi waris dan ahli keluarga mereka serta kementerian ini khususnya.

8. Satu sesi khas telah diadakan di Parlimen minggu lalu bagi mengenang tragedi yang menimpa negara tersebut dan memperingati penumpang dan anak kapal pesawat tersebut.

9. Kerajaan dan kita di Kementerian ini sentiasa komited dalam mencari jawapan kepada nahas yang tidak terduga itu. Oleh yang demikian, marilah kita berdoa agar ahli keluarga dan waris diberikan ketabahan dan kecekalan hati dalam menghadapi hari-hari mendatang serta mogamoga akan ada jalan penyelesaian dihujungnya nanti.

Para hadirin sekalian,

#### MAJLIS PECAH TANAH KOMPLEKS PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA (KL ATCC)

10. Baru-baru ini telah berlangsung Majlis Pecah Tanah Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara (KLTACC) yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 14 Februari yang lalu.

11. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) atas kejayaan majlis tersebut.

12. Buat pengetahuan semua, Kompleks yang dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada penghujung tahun 2019 ini bukan sahaja akan menempatkan operasi kawalan trafik udara bagi ruang udara Kuala Lumpur atau lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur Flight Information Region (KL FIR), tetapi ianya akan menjadi tunjang utama bagi keseluruhan pengurusan trafik udara di negara ini termasuk sebagai pusat Sistem Mencari dan Menyelamat atau Search and Rescue Systems (SAR) bagi DCA.

13. Projek yang dijangka akan menelan belanja lebih dari RM650 juta ini bakal mengtransformasikan hampir keseluruhan infrastruktur kawalan trafik udara bagi Ruang Udara KL FIR yang melibatkan aspek kemudahan sistem kawalan trafik udara. Pelaksanaan projek ini adalah bagi memenuhi keperluan kemajuan teknologi penerbangan, malah aspek struktur ruang udara itu sendiri bagi menampung keperluan semasa dan juga akan datang.

14. Dengan terlaksananya projek ini kelak, saya mengharapkan ianya akan membentuk sebuah lagi lonjakan dalam transformasi negara yang sedang giat dilaksanakan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

15. Dengan adanya kemudahan prasarana pengangkutan yang baik, saya percaya pertumbuhan sektor industri penerbangan awam negara juga dijangka akan terus berkembang seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara secara keseluruhannya.

Warga MOT sekalian,

#### MAJLIS MINUM PETANG BERSAMA ANGGOTA DIPLOMAT DAN PERWAKILAN ASING BAGI MELOBI KERUSI AHLI MAJLIS INTERNATIONAL MARITIME ORGANIZATION (IMO)

16. Pada 23 Februari yang lepas, saya telah menghoskan Majlis Minum Petang Bersama Anggota Diplomat dan Perwakilan Asing di Kuala Lumpur. Sejumlah lebih daripada 70 perwakilan asing telah menghadiri majlis tersebut.

17. Ianya diadakan bagi mengumumkan hasrat Malaysia untuk bertanding semula dan melobi kerusi Ahli Majlis IMO bagi penggal 2018-2019 dalam sesi pemilihan yang akan diadakan semasa 30th General Assembly pada bulan November tahun ini.

18. Pada kesempatan tersebut, saya telah berpeluang beramah mesra dengan anggota diplomat yang hadir dan memaklumkan mengenai sumbangan yang telah dibuat oleh Malaysia sebagai ahli IMO dan perancangan Malaysia sekiranya dipilih semula.

19. Saya juga telah meminta supaya pihak pengurusan tertinggi Kementerian yang terlibat dalam mana-mana mesyuarat atau forum di peringkat antarabangsa untuk turut bersama dalam usaha melobi dan seterusnya meraih sokongan terhadap pencalonan Malaysia sebagai ahli Majlis IMO.

#### **MIROS SEBAGAI PEMENANG DI GLOBAL ROAD SAFETY FILM FESTIVAL**

20. Bercakap mengenai kejayaan demi kejayaan yang diraih kementerian ini, sebentar tadi, kita telah menyaksikan tayangan filem pendek bertajuk 'Select The Suitable and Right Helmet' yang telah memenangi anugerah filem terbaik menerusi kategori motosikal di Global Road Safety Film Festival yang diadakan di Palais des Nation, Switzerland pada 20 hingga 21 Februari 2017.

21. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR).

22. Sebanyak 232 filem telah dipertandingkan dalam festival yang diadakan sempena ulang tahun ke-70 Inland Transport Committee (ITC) ini. ITC merupakan salah satu (1) agensi di bawah The United Nations Economic Commission for Europe (UNECE) untuk sektor pengangkutan.

23. Lanjutan daripada kemenangan ini, suka untuk mengingatkan warga MOT sekalian untuk kita sama-sama mewar-warkan semua kejayaan MOT, jabatan dan agensi dibawahnya. Seperti yang saya katakan pada perhimpunan yang lalu, semua warga merupakan agen dalam menghebahkan kejayaan dan feel good factor yang dilaksanakan oleh MOT.

24. Saya mengharapkan semoga dengan kemenangan ini, ianya adalah selari dengan usaha kita dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dalam negara kita. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

#### **OPS BERSEPADU KHAS TAYAR CELUP**

25. Selain daripada advokasi seperti filem kesedaran yang saya sebutkan tadi, kita juga terus meningkatkan penguatkuasaan di jalan raya bagi memastikan keselamatan para pengguna.

26. Saban tahun, kita sering mendengar berita mengenai kemalangan yang melibatkan kenderaan berat disebabkan oleh kegagalan tayar dan pelanggaran objek atau serpihan tayar di lebuh raya.

27. Berdasarkan maklumat PLUS, pada tahun 2016 sahaja terdapat 1,485 kes kemalangan di lebuh raya yang berpunca daripada pelanggaran objek dan 41.3% daripada objek tersebut adalah dari jenis tayar dan serpihan tayar.

28. Oleh yang demikian, menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan SIRIM Berhad telah berganding bahu melalui satu operasi bersepadu bagi memerangi dan membanteras kegiatan pembuatan tayar celup yang tidak mengikut piawaian yang ditetapkan.

29. Penggunaan tayar celup tidak sah ini memberi ancaman kepada keselamatan pengguna jalan raya terutama serpihan tayar jenis itu sering dilihat di atas lebuh raya sehingga menimbulkan kebimbangan mengenai risiko keselamatan terhadap pemandu kenderaan yang lain.

30. Saya telah dimaklumkan, hasil serbuan dan pemeriksaan ke atas dua (2) buah premis pada bulan Februari 2017, serbuan tersebut telah berjaya merampas dan menyita 480 tayar celup palsu dengan 1,374 keping pelekat SIRIM MS224-2005 palsu.

31. Bagi memastikan kegiatan ini dapat dibanteras dan dilumpuhkan secara menyeluruh di seluruh negara, saya menyeru agar JPJ bersama agensi penguatkuasaan lain akan terus merancang dan menggempur kegiatan ini dalam siri Ops Bersepadu Khas Tayar Celup yang seterusnya.

Warga MOT sekalian,

**PERSIDANGAN LIMA (LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME AND AEROSPACE)**

32. Lebih kurang seminggu dari hari ini, kita sekali lagi akan bersama dengan Kementerian Pertahanan menganjurkan persidangan LIMA kali ke-14 yang akan berlangsung pada 21 hingga 25 Mac 2017.

33. MOT telah dipertanggungjawabkan untuk mengetengahkan dan menyediakan aktiviti-aktiviti dan program-program kepada sektor komersial yang melibatkan industri pengangkutan udara dan maritim.

34. Kementerian kini sedang giat melaksanakan persiapan serta kerja-kerja koordinasi akhir bagi memastikan aktiviti-aktiviti dan program-program dalam persidangan tersebut berjalan dengan lancar.

35. Persidangan yang melibatkan syarikat aeroangkasa dan maritim dari beberapa buah negara ini bukan sahaja dapat memperkuatkan hubungan erat dalam kalangan negara anggota, bahkan dapat merancakkan lagi pasaran bagi industri maritim dan aeroangkasa pertahanan dan komersial rantau ini.

36. Saya berharap, dengan terlaksananya Persidangan ini, iaanya dapat melonjak dan menonjolkan imej serta sumbangsan MOT di negara ini.

37. Persidangan seperti ini juga merupakan satu (1) platform yang amat baik kepada kita untuk mempromosikan sektor-sektor udara dan maritim yang menekankan peranan MOT sebagai enabler kepada pembangunan negara menjelang 2020.

Hadirin sekalian,

#### PENUTUP

38. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada para pegawai dan kakitangan baru ke MOT. Diharapkan agar mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan amanah, beretika dan berhemah.

39. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada para pegawai dan kakitangan yang telah meninggalkan MOT sama ada bertukar ke Jabatan lain mahupun bersara wajib.

40. Akhir kata, marilah kita semua warga kementerian, jabatan dan agensi berganding bahu bersama-sama melipat-gandakan usaha kita dalam memastikan kejayaan demi kejayaan kementerian ini di masa-masa hadapan.

Sekian, terima kasih.